



FAEDAH PINJAMAN PENDIDIKAN PERKESO

A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Pemohon mestilah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :-

- 1) Pemohon mestilah terdiri daripada Anak Tanggungan kepada Orang Berinsurans yang sedang menerima Pencen Bulanan daripada PERKESO di bawah faedah berikut :-
 - a) Faedah Hilang Upaya Kekal secara berkala
 - b) Faedah Orang Tanggungan (FOT);
 - c) Pencen Penakat; atau
 - d) Pencen Ilat.
- 2) Belum mencapai umur 21 tahun semasa permohonannya diterima oleh PERKESO; atau Sekiranya telah mencapai umur 21 tahun, pemohon mestilah anak tanggungan Orang Berinsurans yang menerima Faedah FOT/Pencen Penakat; dan pernah menerima pinjaman PERKESO sebelumnya di peringkat pengajian Sijil/Diploma secara berterusan;
- 3) Mengikuti pengajian di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3 atau Diploma atau Ijazah;
- 4) Gagal mendapat tajaan daripada mana-mana agensi pemberi pinjaman pendidikan lain;
- 5) Belum Berkahwin;
- 6) Telah mendaftarkan diri untuk mengikuti pengajian di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA/IPTS) tempatan;
- 7) Pengajian hendaklah keseluruhannya di dalam Malaysia dan bersifat sepenuh masa;
- 8) Baki tempoh pengajian semasa memohon mestilah tidak kurang satu (1) tahun;
- 9) Jumlah kos yuran pengajian tidak melebihi kadar had maksima yang ditetapkan iaitu RM100,000.00;
- 10) Bagi pelajar IPTA, kursus yang diikuti di peringkat Diploma dan Ijazah mestilah telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTA), Kementerian Pengajian Tinggi;
- 11) Bagi pelajar IPTS, kursus yang diikuti di peringkat Diploma dan Ijazah mestilah telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTS) dan mendapat Sijil Perakuan Akreditasi Provisional / Penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- 12) Bagi pelajar peringkat SKM, tempoh pengajian kursus hendaklah sekurang-kurangnya 1 tahun dan kursus yang diikuti hendaklah mendapat pentaulahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia; DAN
- 13) Memenuhi syarat kelayakan akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkenaan; sekiranya kelayakan pelajar berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana yang dinyatakan di perkara (10), (11) dan (12).

B. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENJAMIN (SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN)

- 1) Pemohon yang bersetuju menerima tawaran pinjaman pendidikan hendaklah mendapatkan penjamin-penjamin dan menandatangani bersama dokumen PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN.
- 2) Syarat dan kelayakan penjamin-penjamin yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Bilangan dan Pendapatan Penjamin:
 - i) Jumlah Pinjaman Kurang RM 100,000.00
 - DUA (2) orang penjamin
 - Jumlah pendapatan bersih bulanan tidak kurang RM1,500.00 sebulan.
 - ii) Jumlah Pinjaman Melebihi RM 100,000.00
 - TIGA (3) orang penjamin.
 - Jumlah pendapatan bersih bulanan tidak kurang RM2,000.00 sebulan
 - c) Umur bagi penjamin-penjamin ditetapkan bergantung kepada jumlah pinjaman yang diluluskan seperti berikut:
 - RM1,000 hingga RM2,500 - Belum mencapai 54 tahun
 - RM2,501 hingga RM5,000 – Belum mencapai 53 tahun
 - RM5,000 hingga RM7,500 – Belum mencapai 52 tahun
 - RM7,501 hingga RM12,500 – Belum mencapai 50 tahun
 - RM12,501 hingga RM17,500 – Belum mencapai 49 tahun
 - RM17,501 hingga RM20,000 – Belum mencapai 48 tahun
 - RM20,001 hingga RM22,500 – Belum mencapai 47 tahun
 - RM22,501 hingga RM27,500 – Belum mencapai 46 tahun
 - RM27,501 hingga RM50,000 – Belum mencapai 41 tahun
 - RM50,001 hingga RM100,000 – Belum mencapai 36 tahun
 - RM100,000 ke atas – Belum mencapai 31 tahun
 - d) Tempoh perkhidmatan pekerjaan semasa penjamin tidak kurang dua (2) tahun di majikan yang sama, berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan.
 - e) Jumlah potongan gaji penjamin tidak melebihi 60% daripada jumlah pendapatan.
 - f) Penjamin yang bekerja di institusi pekerjaan swasta perlu mengemukakan salinan Penyata Kumpulan Wang (KWSP) yang telah disahkan oleh Pegawai KWSP bagi tempoh 2 tahun terkini berturut-turut.
 - g) Penjamin dibenarkan menjamin seorang (1) pelajar pada satu-satu masa.
 - h) Seseorang yang bekerja sendiri boleh menjadi penjamin sekiranya mempunyai pendapatan tahunan tidak kurang RM30,000.00 setahun hasil daripada perniagaan dan mestilah mengemukakan salinan Borang B yang telah disahkan oleh Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk tempoh 3 tahun terkini berturut-turut.
 - i) Penjamin-penjamin hendaklah menandatangani dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan di hadapan saksi-saksi yang terdiri daripada pegawai yang diluluskan oleh PERKESO.
 - j) Penjamin boleh terdiri daripada salah seorang ibu atau bapa, adik beradik, saudara mara atau rakan terdekat yang mana tempoh mengenali pelajar melebihi 5 tahun dan ke atas.
 - k) Penjamin-penjamin yang bersetuju menandatangani perjanjian pinjaman PERKESO tidak boleh menarik diri daripada menjadi penjamin kecuali mereka hilang kelayakan seperti yang diperuntukan dalam dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan.



PERHATIAN :-

- 1) Pelajar berikut adalah **TIDAK LAYAK** memohon pinjaman ini:-
 - a) Pelajar sekolah rendah atau menengah;
 - b) Adik beradik Orang Berinsurans yang sedang menerima faedah PERKESO;
 - c) Pelajar peringkat matrikulasi/prae-diploma/foundation atau sarjana.
- 2) Pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan institusi dan kursus yang diikuti mendapat kelulusan daripada jabatan-jabatan yang berkenaan.
- 3) Pinjaman ini perlu dibayar balik oleh pelajar bermula pada tarikh kuatkuasa bayaran balik pinjaman yang ditetapkan pada bulan ke-12 daripada bulan terakhir pelajar menerima pembiayaan pinjaman pendidikan daripada PERKESO.
- 4) Kadar caj perkhidmatan bagi pinjaman ini dikenakan sebanyak 2% setahun ke atas baki pinjaman semasa. Caj perkhidmatan akan dikenakan bermula daripada tarikh kuatkuasa bayaran balik pinjaman sehingga pinjaman ini selesai dibayar.
- 5) Bagi pelajar di peringkat pengajian diploma dan ijazah, boleh mengemukakan permohonan penukaran taraf pinjaman kepada biasiswa sebanyak 75% sekiranya berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dengan memperoleh keputusan PNGK/CGPA 3.75 ke atas atau setaraf Kepujian Kelas Pertama dan memenuhi kriteria-kriteria lain bagi penukaran pinjaman kepada biasiswa yang telah ditetapkan oleh PERKESO. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh terakhir menerima pembiayaan pinjaman dengan PERKESO.
- 6) Pelajar yang sedang menerima pinjaman PERKESO tetapi gagal / berhenti / membatalkan pinjaman sebelum tamat pengajian tidak layak membuat permohonan pinjaman kali kedua.
- 7) Kelulusan permohonan pinjaman pendidikan adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pinjaman Pendidikan PERKESO.

LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN PERKESO

ARAHAN MENGISI BORANG :

1. Sila pastikan anda memenuhi syarat-syarat kelayakan memohon sebelum mengisi borang ini.
2. Borang Permohonan ini hendaklah diisi oleh pemohon.
3. Sila gunakan HURUF BESAR dan pen dakwat hitam.
4. Borang permohonan PKS (F) 100 ini hendaklah dikemukakan bersama salinan dokumen-dokumen **yang telah disahkan benar** mengikut senarai semakan di bawah. Tandakan (/) di petak yang berkenaan :-

- 1 keping gambar terkini pemohon berukuran passport**
- Kad Pengenalan;**
- Surat pengesahan permohonan pinjaman pendidikan tidak berjaya daripada agensi pemberi pinjaman lain;**
- Sijil Kelahiran pemohon ;**
- Keputusan-Keputusan Peperiksaan **PMR , SPM , STPM , Sijil, Matrikulasi, Diploma dan lain-lain sijil keputusan akademik yang berkaitan;**
- Sijil Berhenti Sekolah Menengah;**
- Surat Tawaran Kemasukan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT);**
- Surat Pengesahan Telah Berdaftar daripada Institusi Pengajian Tinggi /resit pendaftaran;**
- Surat Pengesahan Yuran Pengajian mengikut tempoh semester untuk tujuan pembiayaan pinjaman pendidikan (Sila sediakan surat pengesahan mengikut contoh seperti di Lampiran 2) ;**
- Bagi pelajar IPTS di peringkat pengajian Diploma dan Ijazah, salinan **Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)** Salinan Sijil Perakuan Akreditasi hendaklah belum hampir tamat tempoh sah laku semasa memohon ;
- Bagi pelajar IPTS di peringkat pengajian Diploma dan Ijazah, salinan **Surat Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian daripada Jabatan Pengurusan IPT (IPTS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (yang ada menyatakan syarat kelayakan masuk dan jumlah kos yuran pengajian yang diluluskan).** Salinan Surat Kelulusan Kursus hendaklah belum hampir tamat tempoh sah laku semasa memohon;
- Bagi pelajar peringkat pengajian **Sijil Kemahiran Malaysia**, salinan **surat pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)** dan sijil tersebut mestilah belum hampir tamat tempoh sah laku semasa memohon;

Borang permohonan yang telah lengkap bersama-sama salinan dokumen yang disahkan hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial,
Tingkat 14, Menara PERKESO,
No. 281 Jalan Ampang,
50538 Kuala Lumpur.
(u.p : Unit Pinjaman Pendidikan)
Telefon : 03 – 4264 5000 (Samb: 5159/5316/5315/5543/5341/5329)
Faks : 03 – 4256 3534 ; E-mel : perkeso@perkeso.gov.my

LAMPIRAN 2

CONTOH FORMAT SURAT PENGESAHAN YURAN PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER

(Sila gunakan *letter head* rasmi institusi untuk urusan surat menyurat)

Pengurus
Unit Pinjaman Pendidikan
Tingkat 14, Menara PERKESO,
281 Jalan Ampang,
50538 Kuala Lumpur.

1 Jan 2010

Tuan,

MAKLUMAT STRUKTUR YURAN PINJAMAN PENDIDIKAN PERKESO

Dikemukakan maklumat berkaitan seorang pemohon Pinjaman Pendidikan PERKESO yang sedang mengikuti pengajian di Kolej ini seperti berikut:-

Nama Pelajar : **Rozana Bt Hj Aris**
No. Kad Pengenalan : **840101083232**
Kursus : **Diploma In Business Studies**
Fakulti : **Faculty Of Management**

Pengajian : **Sepenuh Masa** Keseluruhan pengajian : **Di Malaysia / Sebahagian di Luar Negara**
Jangkamasa Pengajian: **2 ½ tahun** Mula : **Jan 2005**, Jangkaan Tamat : **Dis. 2007**

Tarikh Mendaftar diri: **1 Jan 2005**.

Tajaan Lain: **Sila nyatakan sama ada anda menerima tajaan / pinjaman dari lain-lain agensi.**

JENIS YURAN	YURAN					
	TAHUN SATU		TAHUN DUA		TAHUN TIGA	
	Semester 1 Jan – Jun 2005	Semester 2 Julai – Dis. 2005	Semester 3 Jan. - Jun 2006	Semester 4 Julai – Dis. 2006	Semester 5 Jan. – Jun. 2007	Semester 6 Julai – Dis. 2007
Pendaftaran	100.00	-	-	-	-	-
Pengajian	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00
Peperiksaan	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
Makmal	50.00	-	-	-	-	-
Lain-lain (eg : asrama, insurans, pengangkutan,dll)						
JUMLAH	2200.00	2050.00	2050.00	2050.00	2050.00	2050.00

(Nota : Sila pastikan jumlah yuran yang ditetapkan adalah seperti yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi,Malaysia)

Kolej ABC mula beroperasi pada : **Oktobre 2000**
Sila keluarkan cek bayaran di atas nama : **'Kolej ABC'**

Disediakan Oleh,

.....
Tandatangan
(Radha a/p Sinniah)
Pendaftar,
Kolej ABC, Teluk Intan.

Cop Kolej



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

BORANG PEMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN

GAMBAR
 PEMOHON
 BERUKURAN
 PASPORT

BAHAGIAN I – BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON :

1. Nama Penuh :
2. No. KPPN : - -
3. Umur : Tahun Bulan
4. Jantina : Lelaki Perempuan
5. Status Perkahwinan : Sudah Kahwin Belum Kahwin
6. Bilangan Adik Beradik: orang. Anak ke :
7. Alamat Tetap :
- Poskod : Bandar
- Negeri : E-mel
- No. Tel. (Rumah) : -
- (Bimbit) : -
8. Alamat Surat-Menyurat (jika berbeza)
- Alamat Tetap :
- Poskod : Bandar :
- Negeri :

Untuk Kegunaan
 PERKESO.
 Tarikh
 Borang Permohonan
 Diterima

Untuk Kegunaan
 PERKESO.
 Tarikh
 Borang Permohonan
 Lengkap Diterima

BAHAGIAN II – BUTIR-BUTIR AHLI KELUARGA

2. No. KPPN. Bapa (Lama) : _____
(Baru) : _____

(Diisi sekiranya Bapa Penerima Faedah PERKESO)

- i) Penerima Faedah : **Hilang Upaya Kekal** **Pencen Ilat** **FOT/Pencen Penakat**
*Sila tandakan(X)

(Diisi sekiranya Bapa bekerja)

- ii) Nama Majikan Bapa :

iii) No. Telefon Majikan :

- iv) Pendapatan Bersih (RM):

3. Nama Ibu :

4. No. KPPN. Ibu (Lama):

- | | | | | | | | | | | |
|------|------|------|------|---|------|---|------|------|------|------|
| Baru | Baru | Baru | Baru | - | Baru | - | Baru | Baru | Baru | Baru |
|------|------|------|------|---|------|---|------|------|------|------|

(Diisi sekiranya Ibu bekerja)

- ii) Nama Majikan Ibu

ii) Nama Majikan Ibu :

iii) No. Telefon Majikan:

iv) Pendapatan Bersih (RM):

5. Butiran Adik-Beradik Pemohon :-

6. Butir-butir Penama (Waris) sekiranya Pemohon meninggal dunia (Untuk pembayaran khairat kematian) ...

Nama : _____

No. KPPN : - -

Alamat Tetap :

No.Tel: - Bimbit: -

BAHAGIAN V – BUTIR - BUTIR PERUJUK :

* Perujuk adalah saudara terdekat yang tidak tinggal dengan pemohon atau kenalan rapat dengan pemohon

A) Maklumat Perujuk Pertama :

- | | | |
|----|-------------------------|--|
| 1. | Nama : | [20 empty boxes] |
| 2. | No. KPPN . | Lama : [5 empty boxes] |
| | | Baru : [5 empty boxes] - [5 empty boxes] - [5 empty boxes] |
| 3. | Alamat Tetap : | [15 empty boxes] |
| 4. | No. Tel. : | [3 empty boxes] - [6 empty boxes] Bimbit : [4 empty boxes] - [6 empty boxes] |
| 5. | Pekerjaan : | [15 empty boxes] |
| 6. | Nama & Alamat Majikan : | [15 empty boxes] |

B) Maklumat Perujuk Kedua :

- | | | | | | | | |
|----------------------------|------|---|--|----------|--|---|--|
| 1. Nama : | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| 2. No. KPPN : | Lama | | | | | | |
| | Baru | - | | - | | | |
| 3. Alamat Tetap : | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| 4. No. Tel. : | | - | | Bimbit : | | - | |
| 5. Pekerjaan : | | | | | | | |
| 6. Nama & Alamat Majikan : | | | | | | | |
| | | | | | | | |

BAHAGIAN VI – PENGAKUAN PEMOHON :

Saya mengaku bahawa,

- i) Semua maklumat di atas adalah benar dan saya faham pihak PERKESO berhak menolak permohonan atau menarik balik Pinjaman Pendidikan saya sekiranya maklumat di atas didapati tidak benar.
 - ii) Keluarga saya tidak mampu membayai kos pengajian saya.

Tarikh :

Tandatangan Pemohon :.....
(Nama :)